

578:
PELAJARAN

TANAH MERAH 9 MEI (BERNAMA) — KEMENTERIAN PELAJARAN SEDANG MENGAJIT DAN MENYUSUN CARA-CARA BAGI MENENTUKAN DISIPLIN DI SEKOLAH-SEKOLAH.

MENTERI BERKEHAAN DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PINAK KEMENTERIAN AKAN MENYAMPAIKAN ARAHAN KEPADA GURU-GURU TENTANG CARA-CARA MEMPERKUKUKAN DISIPLIN DIKALANGAN MURID-MURID APABILA KAJIAN ITU SELESAI.

BELIAU BERKATA MATLAMAT CARA-CARA BARU ITU IALAH SUPAYA MURID-MURID DAPAT MENGAWAL DIRI MEREKA SENDIRI TANPA DESAKAN YANG KETAT DARI PINAK YANG LAIN.

INI IALAH SETELAH MEREKA MENYEDARI BAHAWA DISIPLIN ITU ADALAH BAIK UNTUK DIRI MEREKA SENDIRI, TAMBAH BELIAU.

DR. MAHATHIR BERUCAP MERESMIKAN SIMPOSIUM GURU BESAR DAN GURU-GURU KUMPULAN TANAH MERAH DI SEKOLAH MEMENGAH DATUK MAHMUD PADUKA RAJA DI SINI HARI INI.

BELIAU BERKATA JIKA MATLAMAT TERSEBUT BERJAYA BEBERAPA PERISTIWA YANG BERLAKU SEKARANG SEPERTI PENYALANGUNAAN DADAH TIDAK AKAN TIMBUL DENGAN BANYAKNYA. — BERSAMBUNG 1740/AI

579:
PELAJARAN 2 TANAH MERAH

DR. MAHATHIR JUGA TELAH MENEKANKAN PENTINGNYA DIPELIHARA DAN DIPUUK PERHUBUNGAN YANG BAIK DIANTARA IBUBAPA DENGAN GURU-GURU, GURU-GURU DENGAN MURID DAN GURU DENGAN GURU SENDIRI.

KATANYA, HUBUNGAN-HUBUNGAN TERSEBUT ADALAH PENTING KERANA IANYA MEMBERTI KESAN YANG BESAR BAGI PERKEMBANGAN JENERASI YANG AKAN DATANG.

BELIAU JUGA MENYERU SUPAYA PERTUBUHAN-PERTUBUHAN GURU MENGADAKAN SIMPOSIUM-SIMPOSIUM ATAU PERJUMPAAN-PERJUMPAAN BAGI MEMBINCANGKAN HUBUNGAN TERSEBUT.

DR. MAHATHIR JUGA MENEGASKAN BAHAWA KEMENTERIAN PELAJARAN SENTIASA MENJALANKAN BERBAGAI USAHA SUPAYA MUTU PELAJARAN SENTIASA TINGGI DAN WANG RAKYAT YANG DIPERUNTUKAN BAGI PELAJARAN TIDAK MEMBAZIR.

DIANTARA USAH-USAHA ITU IALAH MENGADAKAN LEBIH BANYAK KEMUDAHAN DI SEKOLAH, MELATIH LEBIH RAMAI GURU DAN MENGADAKAN KURSUS-KURSUS SUPAYA GURU-GURU TIDAK KETINGGALAN MASA.

BELIAU MENYATAKAN BAHAWA PADA TAHUN INI KEMENTERIAN PELAJARAN MENDAPAT PERUNTUKAN SEBANYAK \$1,287 JUTA (AITU 117 PERATUS MENINGKAT DALAM JANGKA MASA LIMA TAHUN).

WALAU BAGAIMANAPUN BELIAU MENARIK PERHATIAN BAHAWA DARIPADA PERUNTUKAN ITU SEJUMLAH \$1,098 JUTA IALAH UNTUK PERBELANJAAN MENGURUS TERMASUK BAYARAN GAJI GURU MANAKALA YANG BAKINYA IALAH UNTUK PEMBANGUNAN. — BERNAMA 1745/AI